

**MIGRASI DAN KEGIATAN EKONOMI  
MASYARAKAT CINA DI KUDAT,  
1963-2003**

**RODIAH BINTI ODOTONG  
(HA 2006 - 4903)**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat-syarat Bagi  
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial  
Dengan Kepujian**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1400017098

183360



PUMS99:1

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Migrasi Dan kegiatan ekonomi masyarakat  
Cina di Kudat 1983 - 2003.

IJAZAH: SERTANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA RODIAH RINTI ODOTONG SESI PENGAJIAN: 2009  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

Rodiah  
(TANDATANGAN PENULIS)

T. J. ou  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

EN-MD-SAFFIE  
Nama Penyelea

Tarikh: 11-Mei-09

Tarikh: 11-Mei-09

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

PERPUSTAKAAN UMS

bagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara  
tai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana



1400017098



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PERAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa tesis latihan ilmiah ini adalah hasil usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Tandatangan,

.....

Rodiah binti Odotong  
HA 2006 – 4903


Tarikh :



## PENGESAHAN PENYELIA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa latihan Ilmiah ini telah ditulis oleh Rodiah binti Odotong (HA2006-4903) yang bertajuk "Migrasi dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Cina di Kudat, 1963-2003 dan telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Sejarah), Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh ;



Encik Md. Saffie Bin Abdul Rahim  
Penyelia Latihan Ilmiah  
Sekolah Sains Sosial

Tarikh : 11 Mei 2009





## PENGHARGAAN

Ucapan syukur kepada Tuhan yang tidak terhingga atas limpah kurnia dan anugerah-Nya, proses penulisan latihan ilmiah ini dapat dijalankan dengan lancar dan disempurnakan pada akhirnya. Kejayaan penulisan latihan ilmiah ini bukan setakat usaha penulis semata-mata, tetapi juga adalah hasil bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak yang turut terlibat dalam menyumbang kepada penghasilan latihan ilmiah ini.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Encik Md. Saffie Abdul Rahim selaku penyelia latihan ilmiah ini. Beliau banyak mengorbankan masa dan tenaga dalam memberikan bantuan, bimbingan dan dorongan yang amat berharga bagi penulis sepanjang penulisan latihan ilmiah ini. Disamping itu, beliau juga telah memperlihatkan kesabaran yang tinggi terhadap penulis dalam penyeliaan penulisan latihan ilmiah ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah Program Sejarah khususnya kepada Encik Bazley Bee bin Basrah Bee, Encik Shaukhi Md. Radzi, Encik Bilcher Bala, Prof. Dr. Sabihah Osman, Dr. Ismail Ali dan Encik Mosli Tarsat di atas nasihat dan bimbingan yang diberikan samada secara langsung mahupun tidak langsung kepada penulis.

Ucapan ribuan terima kasih juga turut diucapkan kepada para kakitangan Arkib Negeri Sabah, kakitangan perpustakaan yang terlibat serta jabatan-jabatan atau sektor-sektor yang telah memberikan khidmat dan kerjasama bagi menyempurnakan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada para responden yang begitu banyak memberikan maklumat serta sumber-sumber yang dikehendaki oleh pengkaji dalam proses penyediaan latihan ilmiah ini. Terima kasih diucapkan.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan khususnya Haizirah, Priska, Syurina, Milliney dan rakan-rakan lain yang tidak sempat penulis sebutkan namanya di atas kesediaan membantu dan berkongsi pendapat dalam memperbaiki dan menegur kelemahan penulis bagi menghasilkan penulisan yang lebih menarik disamping sokongan moral yang diberikan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ditunjukkan istimewa buat keluarga yang banyak memberikan sokongan dan bantuan terhadap penulis dari awal sehingga terhasilnya penulisan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada saudara Roland bin Matuha di atas segala dorongan serta idea-idea yang diberikan dalam penyempurnaan latihan ilmiah ini. Jasa kalian, tidak mungkin dilupakan.

## ABSTRAK

### **MIGRASI DAN KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT CINA DI KUDAT, 1963-2003**

Kajian ini merupakan satu tinjauan sejarah Migrasi dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Cina di Kudat diantara tahun 1963 sehingga tahun 2003. Kajian ini dilakukan bagi memperincikan proses migrasi masyarakat Cina di Kudat seterusnya menghuraikan secara kreatif dan kritis tentang jenis-jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat migrasi Cina tersebut. Umumnya, kumpulan migrasi Cina di Kudat ini terdiri daripada dua kelompok migrasi iaitu migrasi dari Tanah Besar China dan sebahagian lagi berasal dari Filipina. Penempatan masyarakat Cina di Kudat telah membawa satu evolusi terhadap perkembangan dan pembangunan kawasan tersebut melalui peningkatan ekonominya yang sekaligus membawa kepada pertambahan bilangan penduduk di daerah tersebut. Peranan dan sumbangan masyarakat Cina ini semakin dominan terhadap penguasaan dalam sektor ekonomi terutamanya dalam aktiviti perniagaan, pertanian, perikanan dan penternakan. Asimilasi sosio-budaya diantara masyarakat Cina dan penduduk tempatan juga turut berlaku bagi membentuk satu mekanisme sosial yang seimbang dan harmoni. Penulisan ini juga turut menyentuh tentang peranan pertubuhan Cina yang telah diwujudkan di Kudat sebagai inisiatif masyarakat tersebut dalam menjamin kehidupan dan kedudukan mereka sebagai kumpulan yang melakukan migrasi sehingga masyarakat migrasi Cina ini dilihat sebagai penggerak utama kepada perkembangan ekonomi di Kudat.



**ABSTRACT**



**SINGKATAN**

Hlm	-	Halaman
<i>Ibid.</i>	-	<i>Ibidem</i>
JKKK	-	Jawatankuasa Kerajaan Kemajuan Kampung
KAN	-	Ketua Anak Negeri
Kg.	-	Kampung
KMC	-	Ketua Masyarakat Cina
OKK	-	Orang Kaya – Kaya
<i>Op. Cit.</i>	-	<i>Opere Citato</i>
OT	-	Orang Tua
SBBUB	-	Syarikat Berpaigam Borneo Utara British
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Berhad





## ISI KANDUNGAN

		<b>HALAMAN</b>
<b>PENGAKUAN PELAJAR</b>		i
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>		ii
<b>PENGHARGAAN</b>		iii
<b>ABSTARAK</b>		iv
<b>ABSTRACT</b>		v
<b>SINGKATAN</b>		vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>		Vii - ix
<b>SENARAI JADUAL</b>		x
<b>SENARAI PETA</b>		x
<b>SENARAI GAMBAR</b>		xi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.0	Pendahuluan	1 - 3
1.1	Permasalahan Kajian	3
1.2	Tujuan Kajian	3
1.3	Skop Kajian	4
1.4	Kepentingan Kajian	4
1.5	Metodologi Kajian	4 - 5
1.6	Sorotan Literatur	6 - 16
1.7	Pembahagian Bab	17 - 18



## **BAB 2 SEJARAH AWAL KUDAT**

2.0	Pengenalan	19 – 21
2.1	Sejarah Awal Kudat	21 - 24
2.2	Kedudukan Geografi	25 – 28
2,3	Populasi	29 – 33
2.4	Sistem Pentadbiran	33 – 42
2.5	Sektor Ekonomi	42
2.5.1	Sektor Pertanian	43 - 44
2.5.2	Sektor Perikanan	44
2.5.3	Sektor Penternakan	45 - 46
2.5.4	Sektor Perniagaan	46 – 47

## **BAB 3 MIGRASI CINA DI KUDAT**

3.0	Pengenalan	48 – 51
3.1	Migrasi Cina ke Kudat	51 – 52
3.2	Asal Usul Masyarakat Cina Kudat	53 – 55
3.3	Migrasi dari Tanah Besar China	55 - 57
3.4	Migrasi dari Filipina	58 – 60
3.5	Kumpulan Etnik Cina	60
3.5.1	Etnik Hakka	60 – 64
3.5.2	Etnik Hokkien	65
3.5.3	Etnik Hailam	66 - 67
3.5.4	Etnik Tiechiu	67 – 68
3.5.5	Sino Rungus	68 – 69
3.6	Penubuhan Dewan Perniagaan Tiong Hua	69 – 75



<b>BAB 4</b>	<b>KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT CINA</b>	
4.0	Pengenalan	76 – 78
4.1	Perkembangan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Cina, 1963 - 2003	78 – 79
4.2	Sektor Perniagaan	79 - 83
4.2.1	Perusahaan Kelapa	83 – 85
4.2.1	Kedai Makan	85 – 86
4.3	Sektor Pertanian	86 – 89
4.4	Sektor Perikanan	90 – 91
4.5	Sektor Penternakan	92 – 93
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	94 – 98
<b>BIBLIOGRAFI</b>		99 - 102
<b>LAMPIRAN</b>		103 - 112



## SENARAI JADUAL

		<b>HALAMAN</b>
Jadual 2.1	Jumlah penduduk Kudat Tahun 1963-2003	30
Jadual 2.2	Perubahan Sistem Pentadbiran Kudat	34
Jadual 2.3	Senarai nama Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah di Kudat 1963 – 2003	40
Jadual 2.4	Anggaran Keluasan Tanaman di Kudat, 2003	44
Jadual 2.5	Populasi Ternakan di Kudat, 2003	45
Jadual 2.6	Jenis-jenis industri di Kudat, 2000	46
Jadual 3.1	Senarai Peneroka terawal di Pekan Sikuati	57
Jadual 3.2	Senarai Ketua Masyarakat Cina di Kudat, 2003	73
Jadual 4.1	Keadaan tanah yang terdapat di Kudat sehingga tahun 2003	88
Jadual 4.2	Jenis-jenis tanaman dan keluasan di Kudat pada tahun 2002 dan 2003	89

## SENARAI PETA DAN CARTA

		<b>HALAMAN</b>
Peta 2.1	Peta Kawasan Kudat	26





## SENARAI GAMBAR

		<b>HALAMAN</b>
Gambar 2.1	Telaga Minyak yang dijumpai di Sikuati	24
Gambar 2.2	The Tip of Borneo yang terletak di Kudat, Sabah	28
Gambar 3.1	Kumpulan Migrasi Awal Cina di Sikuati	52
Gambar 3.2	Mendiang Wong Kiam Fook bersama keluarga	56
Gambar 3.3	Bangunan Hotel Ria yang terdapat di kudat	67
Gambar 3.4	Dewan Tionghua, Kudat yang dibina pada tahun 1990	70
Gambar 3.5	En. Wonmg Kim Fui, Ketua Masyarakat Cina di Pekan Sikuati dan Keluarga	75
Gambar 4.1	Deretan Kedai yang dibina oleh British di Batu Satu, Kudat dan merupakan antara Rumah Kedai terawal di Kudat	81
Gambar 4.2	Menunjukkan Rumah Kedai terawal yang dimiliki oleh Migrasi Cina di Sikuati	82
Gambar 4.3	Gudang penyimpanan kopra yang dimiliki oleh Chong Shu Yun yang terletak berhampiran dengan Jalan Chin Shan di Pekan Kudat	85
Gambar 4.4	Deretan kedai makan yang dimiliki oleh etnik Hokkien	86
Gambar 4.5	Menunjukkan 'perkampungan sangkar' iaitu tempat pemeliharaan ikan dalam sangkar yang dijalankan di Eksplanade Sidek Kudat	91



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Kedatangan British ke Tanah Melayu sememangnya telah membawa banyak perubahan dan kesan bukan sahaja terhadap sistem politik, sosial malahan juga perubahan dalam aspek ekonomi. Begitu juga kuasa British yang telah meluaskan tanah jajahannya di Borneo khususnya di Sabah telah banyak memberi kesan kepada pembangunan ekonominya. Pada tahun 1881, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB)<sup>1</sup> telah bertapak di Sabah untuk tujuan mengaut sumber ekonomi atau bahan mentah yang terdapat di Sabah. Walau bagaimanapun, dalam usaha SBBUB membangunkan ekonomi Sabah, seperkara masalah yang mereka hadapi ialah kekurangan tenaga buruh. Sebagai jalan penyelesaiannya, SBBUB telah menggalakan kedatangan buruh-buruh asing yang terdiri daripada buruh-buruh Jawa, India dan juga Cina.

Galakan kerajaan SBBUB untuk buruh-buruh Cina bekerja di Sabah telah menyebabkan kedatangan migrasi Cina secara beramai-ramai ke Sabah pada tahun 1881. Antara daerah terawal dijadikan sebagai petempatan awal migrasi Cina di Sabah ialah di Kudat pada Januari 1883 diikuti dengan beberapa lagi kemasukan antara tahun

---

<sup>1</sup> Sepanjang penulisan dalam latihan ilmiah ini, penulis akan menggunakan akronim SBBUB bagi merujuk kepada perkataan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British.

1903 sehingga tahun 1913.<sup>2</sup> Disamping itu, terdapat juga kemasukan migrasi Cina di Kudat pada tahun 1886 iaitu seramai dua puluh lapan buah keluarga. Migrasi Cina ini menetap di kawasan Lausan yang terletak kira-kira enam kilometer dari bandar Kudat. Kemasukan kumpulan kecil masyarakat Cina juga turut berlaku pada tahun 1889 dan ditempatkan di kawasan Sinsan. Kelompok ini kemudiannya berpecah dan sebahagiannya menetap di kawasan Pinangsoo, Tamalang dan sebahagian lagi berhijrah ke kawasan Sikuati.<sup>3</sup>

Antara galakan yang diberikan oleh SBBUB untuk migrasi Cina datang ke Kudat termasuklah menawarkan tanah, kelengkapan pertanian seperti biji benih serta subsidi tambang percuma. Menurut keterangan W.H Treacher dan Walter Medhurst selaku pesuruhjaya immigrasi, golongan imigran ini telah dijanjikan dengan pemberian wang tunai. Selain daripada itu, tanah sebanyak 1 ekar bagi orang dewasa dan ½ ekar bagi kanak-kanak. Kemudahan-kemudahan seperti perumahan, kelengkapan pertanian, haiwan ternakan seperti babi dan ayam juga turut diberikan Tawaran-tawaran SBBUB ini dapat menarik perhatian masyarakat Cina untuk melakukan migrasi.

Di Kudat, migrasi Cina merupakan penggerak utama kepada perkembangan ekonomi yang bertitik tolak daripada dasar-dasar dan galakan migrasi oleh SBBUB di Sabah. Perkembangan ekonomi ini menjadi semakin ketara diantara tahun 1963 sehingga tahun 2003. Penglibatan migrasi Cina dalam kegiatan ekonomi ini secara tidak langsung turut membawa transformasi dalam kalangan masyarakat tempatan di Kudat yang sebelumnya hanya tertumpu kepada aktiviti pertanian sahaja. Menjelang tahun 2003, ekonomi di Kudat semakin berkembang dengan tertubuhnya kilang-kilang dan aktiviti perindustrian lain yang merupakan tonggak kepada kemajuan dan perkembangan ekonomi Kudat. Perkembangan dalam sektor ekonomi ini adalah

---

<sup>2</sup> Henny Voon, *Sejarah Bandar Kudat (181-1963)*, Tesis B.A. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah, 2006.

<sup>3</sup> Wendy Hutton, *Op Cit*, hlm.11.



dipelopori oleh masyarakat migrasi Cina yang menetap di Kudat. Selain daripada itu, kegiatan ekonomi masyarakat migrasi Cina ini turut melibatkan aspek pertanian, perikanan dan penternakan.

## **1.1 Permasalahan kajian**

Bermula tahun 1963, peranan masyarakat Cina dalam pembangunan ekonomi di Kudat semakin menonjol. Masyarakat Cina telah terlibat dalam kegiatan pertanian, perniagaan dan perikanan. Penglibatan pada peringkat awal dalam pembangunan ekonomi Kudat tersebut secara tidak langsung telah menjadikan masyarakat Cina sebagai komuniti yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan dan menjana pembangunan kegiatan ekonomi Kudat. Walaubagaimanapun, peranan masyarakat Cina dalam mengembangkan kegiatan ekonomi Kudat selepas Sabah mencapai kemerdekaan kurang diberi perhatian. Justeru, timbul persoalan kajian antaranya ialah apakah kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat selepas 1963. Selain daripada itu, persoalan yang seterusnya sejaumanakah peranan masyarakat Cina dalam pembangaunan ekonomi Kudat memberi kesan positif terhadap pembangunan ekonomi Kudat selepas tahun 1963.

## **1.2 Tujuan Kajian**

Bagi menjawab setiap persoalan permasalahan kajian tersebut, maka beberapa objektif kajian telah dinyatakan secara khusus. Obektif kajian ini ialah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang bagaimanakah migrasi serta peranan masyarakat Cina dalam membangunkan ekonomi Kudat. Apakah jenis-jenis kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat juga merupakan antara persoalan yang akan dibincangkan sebagai objektif kajian ini.



### **1.3 Skop Kajian**

Dalam melakukan penyelidikan, skop kajian adalah penting bagi membolehkan tema perbincangan tidak terkeluar daripada skop kajian yang ditetapkan. Skop kajian di sini terdiri daripada skop tempat dan skop masa. Justeru, dalam kajian ini skop tempat ialah keseluruhan daerah Kudat manakala dari segi skop masa, kajian ini dilakukan memfokus dari tahun 1963 sehingga tahun 2003. Tahun 1963 dipilih sebagai permulaan skop kajian memandangkan pada tahun tersebut Sabah telah merdeka manakala tahun 2003 dijadikan sebagai batasan terakhir kajian iaitu satu jangka masa selama 40 tahun adalah merupakan satu tempoh yang signifikan bagi melihat peranan masyarakat Cina di Kudat dalam pembangunan ekonominya.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian terhadap migrasi dan kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat ini adalah penting untuk menjelaskan sejarah awal kedatangan masyarakat Cina tersebut. Kajian ini juga penting bagi memperincikan kegiatan ekonomi masyarakat tersebut serta impaknya terhadap ekonomi dan sosial masyarakat tempatan. Selain daripada itu, kajian ini juga penting sebagai pengetahuan ilmiah dan juga menambahkan lagi kelengkapan dalam kajian berkaitan dengan kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat.

### **1.5 Metodologi Kajian**

Kaedah kajian yang digunakan dalam menyiapkan kajian tentang migrasi dan kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat ini ialah dengan menggunakan disiplin sejarah sebagai asas penyelidikan. Justeru, sumber primer dan sumber sekunder serta kaedah temu bual adalah tiga kaedah utama yang digunakan dalam melengkapkan kajian ini.

Kaedah kajian melalui sumber Primer yang berbentuk fail dan laporan asal boleh diperolehi di Arkib dan Muzium Negeri Sabah. Ini termasuklah maklumat-maklumat yang diperolehi daripada fail setiausaha kerajaan, telegram, surat-surat, laporan-laporan daripada setiausaha kerajaan dan resit-resit. Sumber Primer juga boleh diperolehi di Pejabat Daerah Kudat dan Lembaga Bandaran Kudat (LBK). Sumber-sumber ini penting dalam menjayakan kajian ini khususnya melibatkan bidang kajian yang terlalu lama atau tempoh masa yang terlalu terkebelakang.

Sementara itu, sumber-sumber sekunder seperti buku, artikel, journal, kertas kerja dan majalah pula boleh dirujuk di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Sumber Sekolah Sains Sosial, Perpustakaan Yayasan Sabah, Perpustakaan Daerah Kudat, Perpustakaan Tun Fuad Stephen (Perpustakaan Yayasan Sabah), Perpustakaan Negeri Sabah (Kota Kinabalu) dan Perpustakaan Negeri (Cawangan Penampang).

Selain itu, kaedah temu bual juga penting bagi menyiapkan kajian ini. Temubual yang dilakukan adalah melibatkan informan-informan tertentu seperti Pegawai Daerah Kudat, Kakitangan Pejabat Pendaftaran Daerah Kudat, Kakitangan Jabatan Perangkaan Kota Kinabalu Sabah yang berkenaan serta masyarakat Cina yang telah menetap sekian lama di Kudat. Temubual ini penting bagi mendapatkan gambaran serta maklumat yang berkaitan tentang sejarah migrasi dan kegiatan awal masyarakat Cina di Kudat. Dalam masa yang sama, temubual juga dilakukan kepada individu-individu tertentu yang mengetahui sejarah perkembangan awal Kudat dari tahun 1963 sehingga tahun 2003. Kaedah temubual ini berperanan penting untuk mengesahkan sesuatu data yang sukar diperolehi dalam sumber bertulis.



## 1.6 Sorotan Literatur

Secara umumnya, tidak banyak kajian yang dilakukan tentang sejarah migrasi dan kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat. Jika ada sekalipun, kajian yang dilakukan hanya menyentuh tentang sejarah pentadbiran pribumi semasa pemerintahan SBBUB, sejarah Bandar Kudat dan kajian tentang masyarakat Rungus dari segi kegiatan ekonomi, pendidikan mahupun budaya dan adat resam masyarakat tersebut. Dengan itu, tumpuan kajian yang berkaitan tentang migrasi dan kegiatan masyarakat Cina di Kudat hampir tidak disentuh langsung. Jika adapun, penulisan tersebut hanyalah secara ringkas atau boleh juga dianggap sebagai picians dalam penulisan tersebut.

Antara kajian awal yang telah dilakukan berkaitan dengan masyarakat Cina di Sabah ialah Han Sin Fong<sup>4</sup> pada tahun 1973. Dalam penyelidikan beliau ini, beliau telah menjelaskan tentang masyarakat Cina di Sabah yang terdiri daripada Hokkien, Tiechiu, Hakka, Kantonis, Hailam dan Heng Hu yang terlibat dalam pembangunan ekonomi di sesebuah wilayah. Kajian ini turut menjelaskan penglibatan orang Cina dalam pelbagai sektor pekerjaan seperti perikanan, pertanian, pembalakan, perniagaan, pengangkutan, pembuatan, pembinaan disamping turut terlibat dalam sektor pekerjaan yang melibatkan penyediaan perkhidmatan awam seperti elektrik, pembekalan air dan sanitari. Mobiliti sosial setiap suku kaum Cina tersebut juga turut diketengahkan. Sengguhpun demikian, perbincangan yang berkaitan dengan masyarakat Cina di Kudat tidak dijelaskan secara terperinci dan hanya disentuh secara ringkas. Selain itu, sebahagian besar perbincangan tentang masyarakat Cina di Kudat langsung tidak diketengahkan dalam topik-topik perbincangan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, sungguhpun kajian Han Siu Fong telah dilakukan secara terperinci tentang masyarakat Cina di setiap kawasan di Sabah, namun skop masa dan skop tempat kajian beliau adalah berbeza dengan skop pengkaji. Namun demikian, penulisan ini begitu signifikan

---

<sup>4</sup> Han Sin Fong, *A Study of The Occupational Pattewrms And Social Interaction of Overseas Chinese In Sabah, Malaysia*, Ph. D Tesis, Pennsylvania : University Of Pennsylvania, 1973.

untuk dijadikan sebagai panduan dalam penulisan latihan ilmiah ini bagi mengenalpasti latarbelakang kegiatan ekonomi di Sabah dalam kalangan masyarakat Cina khususnya.

Pada tahun 1982, seorang lagi sarjana yang mengkaji tentang migrasi masyarakat Cina di Sabah ialah Lee Yong Leng<sup>5</sup>. Penyelidikan Lee Yong Leng ini secara keseluruhannya membincangkan tentang geografi petempatan di Sabah. Dalam kajian ini juga, Lee Yong Leng turut mengupas tentang pengaruh dan implikasi faktor geografi dari segi penempatan, penglibatan dalam sektor-sektor ekonomi, demografi dan pengaruhnya terhadap penerokaan tanah di Borneo Utara. Selain itu, beliau turut membincangkan tentang implikasi dan pengaruh topografi sebuah penempatan dalam membentuk pola penempatan di kawasan bandar mahupun luar bandar. Secara keseluruhannya, perbincangan yang diketengahkan oleh Lee Yong Leng dalam kajian beliau ini adalah memperincikan tentang pengaruh geografi petempatan yang meliputi sosial, kegiatan ekonomi dan pembentukan pola penempatan dalam kalangan masyarakat termasuklah masyarakat Cina. Sungguhpun demikian, perbincangan tentang masyarakat Cina ini telah dihurai secara umum bersesuaian dengan skop kajian beliau yang memfokus kepada semua suku kaum yang terdapat di Sabah termasuklah kaum imigran yang berasal dari India dan Indonesia.

Walaupun skop kajian beliau begitu menyeluruh dan tidak memfokus kepada sesebuah daerah atau etnik seperti Kudat khususnya, namun kajian awal ini amat penting bagi pengkaji dalam memberikan gambaran awal tentang proses migrasi dan perkembangan masyarakat Cina ke Sabah. Sehubungan dengan itu, kajian ini secara tidak langsung membantu dalam pengumpulan data berhubung dengan sejarah awal kedatangan masyarakat Cina di Kudat secara umum.

---

<sup>5</sup> Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.



Selain daripada itu, kajian oleh Theresa Soon Oi Kin<sup>6</sup> pada tahun 1991 yang memfokus kepada kaum Hakka turut dijadikan sebagai kajian lepas dalam penulisan latihan ilmiah ini. Dalam kajian tersebut, Soo Oi Kin lebih menonjolkan sejarah kedatangan masyarakat Cina Hakka dan penglibatan mereka dalam kegiatan pertanian di Sabah. Disamping itu, persoalan tentang organisasi sosial dan ekonomi masyarakat Cina Hakka juga turut diketengahkan. Dalam perspektif ini, perubahan politik masyarakat Cina turut dibincangkan. Fokus perbincangan yang kebanyakannya lebih menjurus kepada kaum Cina Hakka ini menyebabkan skop perbincangan terhadap etnik Cina yang lain tidak diketengahkan. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pertimbangan rasional tersebut, pengkaji terpanggil untuk membuat penyelidikan lanjut bagi mengisi kelompangan kajian tentang masyarakat Cina di Kudat. Namun demikian, kajian oleh Soo Oi Kin ini tetap berperanan dalam memberikan pendedahan awal kepada pengkaji berkaitan dengan sejarah kedatangan komuniti Cina di Sabah serta penglibatan komuniti tersebut dalam sosial dan ekonomi.

Seterusnya, kajian oleh Gloria, Chong Yen Yin yang telah dilakukan pada tahun 1994.<sup>7</sup> Dalam kajian ini, Gloria telah membincangkan secara ringkas tentang migrasi masyarakat Cina di Sabah. Skop perbincangan kajian ini merangkumi penyebaran agama Buddha di Sabah sehingga wujudnya golongan Cina-Buddha. Disamping itu, beliau juga turut menjelaskan tentang peranan golongan Cina Hakka dalam institusi sosial dan penglibatan mereka dalam bidang politik menjelang kemerdekaan Sabah. Disamping itu, beliau juga turut membincangkan tentang aktiviti dan kegiatan ekonomi masyarakat Cina Hakka di Sabah secara tidak langsung. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Gloria ini, beliau lebih banyak memfokuskan kajian terhadap masyarakat Cina Hakka dan mengabaikan golongan etnik Cina yang lain di Sabah. Disamping itu, perbincangan tentang golongan Cina di Kudat juga tidak diketengahkan.

<sup>6</sup> Theresa Soon Oi Kin, *Sejarah Orang-orang Hakka di Sabah*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.

<sup>7</sup> Gloria, Chong Yen Yin, *Sejarah Kaum Hakka di Sabah (1883-1963)*, Tesis B.A, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1994.

Justeru, pengkaji merasakan perlunya kajian yang lebih terperinci dilakukan di Kudat bagi menjelaskan migrasi awal masyarakat Cina di daerah berkenaan tanpa memfokus kepada suku etnik Cina yang tertentu. Sungguhpun begitu, penyelidikan oleh Gloria, Chong Yen Yin ini amat berperanan dalam membantu pengkaji untuk mendapatkan persepsi awal komuniti masyarakat Cina khususnya dalam sumbangan komuniti tersebut dalam proses pembangunan sosio-ekonomi di Sabah.

Kajian yang dilakukan berkaitan dengan migrasi masyarakat Cina oleh Danny, Wong Tze Ken pada tahun 1998<sup>8</sup> juga mempunyai signifikan dalam membantu pengkaji untuk mengetahui sejarah migrasi dan penglibatan masyarakat Cina dalam kegiatan ekonomi di Sabah. Dalam kajian tersebut, beliau telah menceritakan kedatangan kaum Cina di Sabah serta perkembangan masyarakatnya. Beliau juga turut mengulas serba sedikit tentang peranan dan sumbangan kaum Cina terhadap perkembangan ekonomi di Sabah. Skop perbincangan juga turut menyentuh secara mendalam tentang penghijrahan masyarakat Hakka iaitu sebagai golongan penghijrah Cina yang terawal di Sabah. Beliau seterusnya menyentuh tentang peranan dan sumbangan masyarakat Cina Hakka khususnya sebagai golongan yang berperanan penting dalam pembangunan awal ekonomi di Borneo Utara. Disamping itu dalam kajian tersebut, beliau juga telah menyentuh tentang kedatangan awal masyarakat Cina di Borneo Utara iaitu di Kudat sebagai antara kawasan yang terawal menerima penghijrahan masyarakat Cina. Sungguhpun demikian, beliau hanya menyelitkan secara ringkas tentang migrasi masyarakat Cina tersebut dan tidak dihuraikan secara terperinci. Oleh yang demikian, sebagai lanjutan daripada kajian ini, maka penulisan ini dilakukan. Namun demikian, kajian oleh Danny Wong ini juga bermanfaat untuk memberi gambaran awal kepada pengkaji dari segi latar belakang migrasi masyarakat Cina secara umum berdasarkan kajian dan tinjauan yang telah dilakukan.

---

<sup>8</sup> Danny, Wong Tze-Ken, *The Transformation of Immigrant Society : A Study of the Chinese Of Sabah*, London : Asean Academic Press, 1998.



Tinjauan kajian lepas selanjutnya pula adalah hasil kajian oleh D.S Ranjit Singh pada tahun 2000 yang membincangkan tentang sejarah Sabah.<sup>9</sup> Sungguhpun kajian ini tidak begitu banyak menyumbang kepada penjanaan idea-idea berhubung dengan komuniti Cina kerana penulisannya yang tidak menyentuh secara kritis tentang masyarakat Cina, namun kajian ini penting dalam membincangkan institusi pentadbiran di Borneo Utara. Kajian oleh D.S Ranjit ini sememangnya lebih tertumpu kepada perbincangan tentang sistem pribumi sebelum pentadbiran SBBUB dan sistem pentadbiran SBBUB setelah kerajaan SBBUB menjajah setiap wilayah yang terdapat di Borneo Utara. Dalam penulisannya, beliau telah menggunakan skop masa di antara tahun 1865 sehingga tahun 1941 iaitu dalam tempoh 36 tahun pemerintahan SBBUB di Sabah. Justeru, penulisan ini penting sebagai rujukan dalam membincangkan sistem pentadbiran pribumi di Borneo Utara termasuklah Kudat. Dengan erti kata yang lain, sungguhpun perbincangan tidak memfokus tentang komuniti masyarakat Cina, namun skop perbincangan tentang pentadbiran di Borneo Utara yang diketengahkan oleh beliau sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji dalam mengulas sistem pentadbiran di Kudat semasa pemerintahan SBBUB.

Kajian oleh Zhang Delai pada tahun 2002 juga merupakan penting sebagai sorotan literatur dalam kajian ini<sup>10</sup>. Kajian beliau menjelaskan tentang kedatangan dan peranan kaum Cina di Sabah khususnya penyebaran agama sama ada agama Buddha mahupun Kristian Anglikan yang dipelopori oleh kaum Cina. Disamping itu, beliau juga telah menjelaskan tentang proses migrasi, demografi masyarakat Cina, organisasi sosial serta sosio-ekonomi masyarakat tersebut. Dalam kajian tersebut, beliau telah membincangkan peranan kaum Hakka dalam perkembangan ekonomi Borneo Utara iaitu berasaskan pertanian serta membincangkan faktor-faktor migrasi masyarakat Cina Hakka ke Borneo Utara melalui penyediaan pelbagai skim migrasi oleh pihak SBBUB.

<sup>9</sup> Ranjit Singh, D.S, *The Making Of Sabah 1865-1941 : The Dynamic of Indigenous Society*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 2000.

<sup>10</sup> Zhang Delai, *The Hakkas of Sabah : A Survey of Their Impact on the Modernization of the Bornean Malaysian State*, Kota Kinabalu : Sabah Theological Seminary, 2002.

Beliau juga telah menjelaskan tentang populasi setiap suku etnik Cina di Sabah bermula tahun 1891 sehingga tahun 1991. Oleh yang demikian, kajian ini penting kepada pengkaji bagi mengetahui dan memahami proses migrasi serta kegiatan ekonomi masyarakat Cina ke Borneo Utara. Sungguhpun begitu, kajian ini lebih memfokuskan kepada masyarakat Cina Hakka serta kurang membincangkan tentang peranan kumpulan etnik masyarakat Cina yang lain. Disamping itu, skop tempat bagi kajian ini hanya berkisar kepada Boneo Utara serta tidak membincangkan dengan lebih teliti tentang migrasi dan kegiatan ekonomi di setiap bandar di Borneo Utara khususnya bandar Kudat. Oleh yang demikian, kajian tentang Migrasi dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Cina di Kudat ini dilakukan bagi menjelaskan proses migrasi dan aktiviti ekonomi masyarakat Cina yang telah menetap di Kudat.

Seorang lagi sarjana yang telah membuat kajian tentang Sabah iaitu Richard A. Lind<sup>11</sup>. Kajian ini dilakukan pada tahun 2003 dan menjurus kepada perkembangan Sabah sepanjang Perang Dunia Kedua dan selepasnya. Sungguhpun skop kajian ini luas iaitu meliputi seluruh negeri Sabah, namun beliau juga telah mengupas secara tidak langsung tentang kegiatan ekonomi di Kudat. Disamping itu, kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Sabah juga turut dibincangkan secara tidak langsung dalam kajian ini. Namun demikian disebabkan oleh skop tempat kajian yang luas serta skop masa yang tidak ditentukan, maka migrasi dan kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat khususnya tidak dinyatakan dengan jelas dan terperinci. Sementara itu, migrasi dan kegiatan ekonomi masyarakat Cina tidak dinyatakan dengan lebih jelas dan dianggap sebagai picians dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kajian tentang migrasi dan kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kudat dilakukan sebagai kajian lanjut yang lebih terperinci. Kajian yang berkisar tentang politik dan pembangunan sosio-ekonomi selama sepuluh tahun iaitu dari tahun 1946 sehingga tahun 1996 juga merupakan antara intipati kajian ini. Oleh yang demikian, kajian oleh Richard A. Lind ini sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam menilai dan memahami perkembangan ekonomi Sabah serta keadaan di

---

<sup>11</sup> Richard A. Lind, *My Sabah : Reminiscences of a Former State Secretary*. Kota Kinabalu : Natural History Publication ( Borneo), 2003.



## BIBLIOGRAFI

### Sumber Awalan

#### Fail Jabatan Rasmi Kerajaan

Fail LBK : 500 – 13 / 5 / Jld. 2.

Fail JPIN KDT 100 – 0/ 5/ Jld. 4.

Fail Meja-Moi Sing Yee-SJKC Hwa Lian, Kudat, 2009.

Profile Pejabat Daerah Kecil Matunggong.

Profile Pejabat Daerah Kudat.

### Sumber Sekunder

#### Buku

Baszley Bee Basrah Bee et. al., 2007, *Pemuliharaan Sejarah Dan Tamadun Borneo*, Bandar Seri Begawan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Danny Wong Tze Ken, 2005, *Historical Sabah: The Chinese*, Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).

Johan M. Padasian, 1892, *Sejarah Sabah Dalam Gambar (1881-1981)*, Kuala Lumpur : Eagle Printing.

Lee Yong Leng, 1982, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mansuhur Bin Kotang, 2003, *Perjuangan Syarif Usman di Kota Marudu 1880-1843*, Kota Kinabalu :Universiti Malaysia Sabah.



- Md. Saffie Abdul Rahim, 2007, *Jepun Di Borneo Utara : Migrasi dan Kegiatan Ekonomi 1884-1941*, Kota Kinabalu : Penerbit UMS.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff, 2006, *Perusahaan Perikanan di Sabah*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Peter Chay, 1988, *Sabah The Land Below The Wind*, Kuala Lumpur : Foto Teknik Sdn. Bhd.
- Ranjit Singh, D.S, 2000, *The Making Of Sabah 1865-1941 : The Dynamic of Indigenous Society*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press.
- Richard A. Lind, 2003, *My Sabah : Reminiscences of a Former State Secretary*. Kota Kinabalu : Natural History Publication ( Borneo).
- Theresa Soon Oi Kin, 1991, *Sejarah Orang-orang Hakka di Sabah*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wendy Hutton, 2003, *Kudat*, Kota Kinabalu : Natural History Publication (Boneo).
- Zainal Abidin Abdul Wahid (et. al), 1996, *Malaysia : Warisan dan Perkembangan*, Edisi kedua Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Artikel dalam Suratkhbar dan Majalah

- Majalah Sejarah Sikuati 1960 – 1999.
- Kudat Berasal Dari Rasa Takut, Arkib Negeri Sabah, Harian Mercu/Ahad 24 Ogos 1997.
- Kudat Dikenali Sebagai Tanjung Berungus, ( Docket 37 ), Arkib Negeri Sabah.
- Chong Fah Sing, 2001, *Majalah Sejarah Perkembangan Pekan Sikuati Kudat 1936-2000*, Kudat : Chong Fah Sing Trading.
- New Sabah Times, 18 April, 1998.
- Buletin Setia, Bil 1/2003.

## Tesis

- Chong Yen Yin, Gloria ,1994, *Sejarah Kaum Hakka di Sabah (1883-1963)*, Tesis B.A, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Han Sin Fong, 1973, *A Study of The Occupational Pattewrns And Social Interaction of Overseas Chinese In Sabah, Malaysia*, Ph. D Tesis, Pennsylvania : University Of Pennsylvania.
- Henny Voon, 2006, *Sejarah Bandar Kudat (181-1963)*, Tesis B.A. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah.
- Julia binti Masal, 2008, *Sejarah Migrasi Masyarakat Cina dan Perkembangan Ekonomi Semporna (1887-1941)*, Tesis B.A, Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah.
- Lee Bih Ni, 2003, *Orang Hakka Dalam Perkembangan Misi Basel dan China di Sabah ( 1883-1920 ) , 1 Tinjauan Dalam Sejarah*, Kota Kinabalu : Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Soon Kok Yik, 2006, *Sejarah Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Tionghua Kota Kinabalu (1911 – 2003)*, Tesis B.A, Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah.
- Wong Tze-Ken, Danny,1998, *The Transformation of Immigrant Society : A Study of the Chinese Of Sabah*, London : Asean Academic Press.
- Zhang Delai, 2002, *The Hakkas of Sabah : A Survey of Their Impact on the Modernization of the Bornean Malaysian State*, Kota Kinabalu : Sabah Theological Seminay.

## Informan Yang Ditemu Bual

- OKK. Hj. Harun Bin Bidin, 55, Pejabat Daerah Kudat, pada 03 Mac 2009, "Sejarah Penubuhan Pejabat Daerah Kecil Matunggong".
- OKK. Hj. Harun Bin Bidin, 55, Pejabat Daerah Kudat, pada 03 Mac 2009, "Peranan Mahkamah Anak Negeri".





OKK. Hj. Harun Bin Bidin, 55 tahun, Pejabat Daerah Kudat, pada 03 Mac 2009, "Migrasi Cina di Kudat".

Chong Shu Vun, 42, Tanjong Kapor, Kudat pada 03 Mac 2008. 'Migrasi Cina di Kudat'.

Majamal bin Mosukup, 60 tahun, Kampung Tamalang, Kudat pada 15 April 2009, "Tanaman kelapa di kalangan migrasi Cina di Kudat".

Odotong bin Onting, 63 tahun, Kampung Parapat, Kudat pada 12 April 2009, "Kegiatan Ekonomi Migrasi Cina di Kudat".

Chong Shu Vun, 42 tahun, Tanjong kapor, Kudat pada 14 April 2009, "Perkembangan Perusahaan Kelapa di Kudat".

Yap Yuk Choi, 63 tahun, Kampung Sikuati Kudat pada 15 April 2009, "Penternakan Lembu di kalangan Orang Cina".

En. Mohd Hairi bin Nulbak, 57 tahun, Kg. Andab Jawa pada 57 tahun, 02 Mei 2009, 'Suku Kaum Bajau di Kudat'.

En. Wong Kim Fui, 55 tahun, Pekan Sikuati pada 1 Mac 2009, "Peranan Kapitan Cina di Kudat".

En. Wong Kim Fui, 55 tahun, Pekan Sikuati pada 1 Mac 2009, "Migrasi Masyarakat Cina dari Filipina".

### **Laman Web**

Pejabat Daerah Kudat, (atas talian), [www.sabah.gov.my/pd.kdt/index\\_files/page416.htm](http://www.sabah.gov.my/pd.kdt/index_files/page416.htm) yang dilayari pada 12 Febuari 2009.

